



KEMENTERIAN KERJA RAYA

# KENYATAAN MEDIA

## MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN DAN PEMASANGAN BEKALAN AIR TELAGA TIUB

**KAPIT, SARAWAK** - YB Menteri Kerja Raya Malaysia, Dato Sri Alexander Nanta Linggi hari ini telah menyaksikan Majlis Penyerahan Projek Siap Pembinaan dan Pemasangan Bekalan Air Telaga Tiub yang melibatkan 11 sekolah pedalaman di Sarawak.

2. Penyerahan telah dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang turut disertai oleh pihak sekolah dan wakil KPM. Projek ini dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM11,488,729.00 dengan skop kerja projek merangkumi pembinaan tangki takungan, *elevated water tank*, *pump house*, kerja mekanikal dan elektrik, kerja luaran serta pembaikan termasuk *geophysic* dan *drilling*.

3. Daripada 11 sekolah yang terlibat, tujuh sekolah telah berjaya disiapkan sepenuhnya, manakala empat sekolah lain tidak dapat membekalkan air kerana kapasiti tidak mencapai piawaian. Bagaimanapun, JKR telah mencadangkan kaedah alternatif kepada KPM bagi memastikan bekalan air tetap dapat disalurkan melalui kontrak lain.

4. Pelaksanaan projek telaga tiub ini dijangka memberi manfaat besar kepada komuniti tempatan, terutamanya dari segi bekalan air bersih dan selamat untuk kegunaan harian pelajar dan penduduk, peningkatan taraf kesihatan melalui pengurangan risiko penyakit bawaan air, menyokong pembangunan sosioekonomi dengan infrastruktur asas lebih baik, serta mengurangkan kebergantungan terhadap sumber air sungai yang terdedah kepada pencemaran.

5. Projek pembangunan telaga tiub ini melibatkan 11 sekolah pedalaman di Sarawak, termasuk di kawasan Kapit, dengan setiap telaga tiub mempunyai kapasiti sehingga 10,000 liter air sehari, mencukupi untuk keperluan asas harian sekolah. Kerja penyelenggaraan meliputi pembaikan pam, penggantian paip, pemasangan

sistem penapisan serta ujian kualiti air. Inisiatif ini juga selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi).

6. Kementerian Kerja Raya ( KKR ) komited memastikan sekolah-sekolah di pedalaman menikmati kemudahan asas setara dengan bandar. Penyerahan telaga tiub ini menyokong persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat. Kerajaan yakin projek ini menjadi pemangkin pembangunan inklusif, membantu ekosistem pembelajaran yang kondusif dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar, sejajar aspirasi Malaysia MADANI yang memberi fokus kepada pembangunan komuniti luar bandar secara mampan dan inklusif.

## **KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**6 DISEMBER 2025**

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja